

Kerajaan pertimbang laksana program rangsangan ekonomi

➔ Langkah bagi sokong pertumbuhan berdepan suasana luaran tak menentu

Oleh Sharizan Salian
shahrizan_salian@bh.com.my

Kerajaan sedang meneliti keperluan melaksanakan program rangsangan bagi menyokong pertumbuhan ekonomi negara yang berdepan suasana luaran tidak menentu.

Menteri Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani, berkata butiran mengenai dasar fiskal itu tidak boleh diperincikan lagi buat masa ini memandangkan kerajaan sedang mengadakan perbincangan bersama beberapa kumpulan fokus.

“Apabila perbincangan berkenaan selesai barulah kerajaan

boleh melihat apa yang akan boleh dilakukan. Namun apa yang perlu ditekankan di sini adalah, kerajaan perlu berhati-hati dengan setiap perkara yang mahu dilaksanakan dan ia perlu dilihat dari segi kapasiti (melaksanakannya).

“Ini bermakna keupayaan kerajaan untuk menjana pendapatan bagi berbuat demikian (melaksanakan program rangsangan) kerana kami tidak boleh sewenang-wenangnya berterusan membuat pinjaman. Inilah salah satu perkara yang perlu diimbangi oleh kerajaan,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Taklimat Ekonomi Negara ke-31 di Kuala Lumpur, semalam.

Johari berkata, dalam mana-mana bajet, perkara terpenting sekali adalah meneliti anggaran pendapatan dan daripadanya barulah kerajaan boleh merancang kaedah terbaik untuk membelanjakannya.

“Mengenai tempoh masanya, biarlah Perdana Menteri sendiri yang mengumumkannya. Beliau akan menyimpan semua maklumat yang ada dan memperincikannya semasa bajet,” katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Johari berkata kerajaan tetap



Apabila perbincangan berkenaan selesai barulah kerajaan boleh melihat apa yang akan boleh dilakukan. Kerajaan perlu berhati-hati dengan setiap perkara dilaksanakan dan ia perlu dilihat dari segi kapasiti”

Johari Abdul Ghani,
Menteri Kewangan II

optimis dengan pertumbuhan stabil dan konsisten ekonomi negara seperti dibuktikan melalui prestasi pada suku pertama lalu dengan mencatatkan pertumbuhan sederhana 4.2 peratus.

Kejutan luaran

“Prestasi ekonomi negara pada suku pertama lalu kebanyakannya dicerminkan oleh kejutan luaran serta perbelanjaan berhati-hati yang dibuat oleh sektor swasta,” katanya.

Sementara itu, ekonomi Malaysia masih dalam landasan untuk mencatatkan pertumbuhan positif 4.2 peratus tahun ini, khususnya selepas Bank Negara Malaysia (BNM) menurunkan kadar dasar semalaman (OPR) bagi menambah kecairan pasaran serta meningkatkan perbelanjaan pengguna.

Pengarah Eksekutif Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), Dr Zakariah Abdul Rashid berkata, keputusan bank pusat itu penting memandangkan suasana sekarang amat tidak menentu, khususnya selepas United Kingdom (UK) bulan lalu membuat keputusan untuk keluar daripada Kesatuan Eropah (EU) atau dipanggil Brexit.